

CITA CITRA CINTA

BAHASA KITA



#rakanbahasa

#bulanbahasa

MBMS.SG

FB.COM/MAJLISBAHASA

INSTAGRAM.COM/BULANBAHASA



KEMBARA RAKAN BAHASA (PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI)

VISI RAKAN BAHASA:

Budaya Diwarisi

Bahasa Dilestari

Identiti Sejati

IKRAR

Saya, _____

berikrar untuk menjadi pengguna, penggalak dan penyumbang kepada bahasa Melayu.

PANDUAN

1. Misi yang diberikan hanya boleh dilengkapkan oleh Rakan Bahasa yang telah dilantik.
2. Setiap misi yang lengkap **perlu mendapatkan pengesahan guru** dan disertakan bukti dalam portfolio. Kami menggalakkan portfolio Rakan Bahasa untuk disusun melalui Microsoft Powerpoint atau Word Document yang boleh dikemas kini sepanjang tahun.
3. Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) tidak akan memberikan lencana jika tiada pengesahan guru dan bukti yang disertakan.
4. Rakan Bahasa yang berjaya melengkapkan **kesemua misi** akan diberikan lencana oleh MBMS.
5. Upacara pembahagian lencana akan dijalankan di sekolah masing-masing.
6. Bagi acara / aktiviti Bulan Bahasa, sila rujuk jadual Bulan Bahasa 2024 yang akan diterbitkan pada Ogos 2024 di laman mbms.sg. Acara / aktiviti Bulan Bahasa akan diadakan secara fizikal atau maya. Guru harus memastikan keselamatan Rakan Bahasa dalam menyertai sebarang acara / aktiviti Bulan Bahasa.
7. Tarikh selesai bagi setiap misi merupakan panduan bagi guru dan para Rakan Bahasa. Anda digalakkan untuk mengusahakan misi-misi ini sepanjang tahun sehingga 25 September 2024.
8. Guru perlu muat naik Kad Kembara Rakan Bahasa serta portfolio lengkap di Google Drive. Pautannya harus dihantar kepada Sekretariat selewat-lewatnya pada 25 September 2024 melalui e-mel di NHB_MalayLanguageCouncil@nhb.gov.sg.
9. Hanya kad edisi tahun 2024 sahaja yang boleh dihantar untuk tahun 2024.

Sekretariat Majlis Bahasa Melayu Singapura

PELIBATAN DALAM AKTIVITI BULAN BAHASA & RAKAN BAHASA:



APR

MISI

Saya menghadiri sesi latihan Rakan Bahasa.

BUKTI

- Gambar bersama guru atau Rakan Bahasa yang lain.
- Renungan dalam bentuk infografik tentang perkara yang dipelajari dari sesi ini.

Tandatangan Guru & Tarikh



MEI

MISI

Saya menyertai Pertandingan Teevers.

BUKTI

- Audio yang dihasilkan.
- Gambar yang dipetik ketika projek sedang dilaksanakan.

Tandatangan Guru & Tarikh



SEP

MISI

Saya menghadiri satu acara/aktiviti Bulan Bahasa bersama ibu bapa/rakan-rakan.

BUKTI

- Laporan dalam bentuk video 1 minit yang menyertakan maklumat acara:
- Di mana ia dijalankan, apa yang dijalankan dan pelajaran yang diraih.

Tandatangan Guru & Tarikh



KEMAHIRAN MEMBACA & MENULIS:



JUN

MISI

Saya membaca sekurang-kurangnya tiga cerpen bahasa Melayu hasil penulis Singapura dan membuat ulasan mengenainya.

BUKTI

- Salinan muka buku yang telah dibaca.
- Ulasan

Tandatangan Guru & Tarikh



JULAI

MISI

Saya menghasilkan karya sastera dalam bahasa Melayu mengenai salah satu isu semasa (dalam bentuk cerpen, pantun, sajak, dsb) dan memuat naik entri di media sosial dengan #rakanbahasa2024 #kembarabahasa.

BUKTI

- Hasil karya
- Tangkap skrin atau rakaman video penyampaian karya tersebut.

Tandatangan Guru & Tarikh



OGOS

MISI

Saya menterjemahkan sebuah laporan akhbar berkaitan isu semasa di Singapura daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris (atau sebaliknya).

BUKTI

Terjemahan laporan akhbar.

Tandatangan Guru & Tarikh



KEMAHIRAN BERINTERAKSI:



JUL-SEP

MISI

Saya melaksanakan dan menjayakan program berkenaan dengan bahasa, kesusasteraan atau budaya Melayu.

BUKTI

Promosi tentang program yang ingin dijalankan atau gambar program yang telah dilaksanakan.

Tandatangan Guru & Tarikh



TAMAT